

Sekolah sepatutnya selamat, bukan medan ketakutan

BULI di sekolah bukan lagi fenomena terpencil, sebaliknya menjadi masalah sosial yang serius dan meluas kerana ia menjejaskan bukan sahaja kesejahteraan pelajar tetapi juga reputasi institusi pendidikan dan keharmonian masyarakat.

Buli di sekolah bukan sahaja melibatkan keganasan fizikal tetapi juga bentuk bukan fizikal seperti buli siber, pengasingan sosial dan memperlekeh bentuk badan. Natiijahnya, fenomena ini memberi impak serius kepada kesejahteraan mental, pencapaian akademik dan keselamatan pelajar.

Dalam konteks pendidikan moden, sekolah sepatutnya menjadi tempat selamat dan kondusif untuk pelajar berkembang daripada segi intelektual, emosi dan sosial. Namun begitu, peningkatan kes buli saban tahun menunjukkan persekitaran sekolah semakin tercemar dengan tingkah laku agresif, tekanan sosial dan keganasan yang terselindung di sebalik tembok pembelajaran.

2025 menyaksikan cabaran baharu dalam menangani kes-kes buli dengan adanya pengaruh media sosial, teknologi tanpa kawalan dan budaya 'normalisasi' buli dalam kalangan pelajar.

Menurut statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 2023, sebanyak 8,820 kes buli dilaporkan di sekolah menengah seluruh negara, meningkat hampir 20 peratus berbanding 7,360 kes pada tahun sebelumnya.

Malah, setakat Oktober 2024 terdapat 11,594 pelajar terlibat dalam 5,703 kes buli termasuk secara fizikal, verbal, sosial dan siber.

Buli fizikal seperti menolak, memukul dan memeras ugut sering berlaku di tempat tersembunyi seperti tandas, bilik stor atau kawasan sunyi di sekolah manakala buli verbal seperti penghinaan, ejekan dan kata-kata kesat berlaku secara terbuka di hadapan rakan sebaya. Fenomena buli siber pula kini menjadi lebih kompleks dan sukar dikawal apabila pelajar menggunakan media sosial untuk menyebarkan mesej kebencian, gambar memalukan atau video buli secara langsung.

Kajian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada 2023 menunjukkan satu daripada tiga pelajar sekolah menengah pernah mengalami buli siber, namun lebih separuh daripadanya tidak melaporkan kejadian tersebut kerana takut dibalas dendam atau tidak



PENDEKATAN holistik melibatkan semua pihak merangkumi kerajaan, sekolah, ibu bapa, komuniti dan pelajar amat penting untuk membanteras budaya buli dari akar umbi. - GAMBAR HIASAN

Pada 2023, sebanyak 8,820 kes buli dilaporkan di sekolah menengah di seluruh negara, meningkat hampir 20 peratus berbanding 7,360 kes pada tahun sebelumnya."

percaya kepada sistem sekolah.

Antara kes yang pernah menggemparkan negara berlaku di sebuah sekolah berasrama penuh di Johor pada akhir 2022, apabila seorang pelajar tingkatan empat meninggal dunia dipercayai selepas dibelasah sekumpulan pelajar senior. Kes ini membongkar budaya 'ragging' yang sudah lama membarah di sekolah berasrama yang mana pelajar senior menyalahgunakan kuasa dan status untuk menindas junior atas alasan 'mengajar' atau 'mendisiplinkan' mereka.

Kejadian ini bukan sahaja mencetuskan kemarahan masyarakat, malah menjadi bukti jelas sistem pemantauan di sekolah masih longgar dan tidak cekap dalam membendung budaya buli.

Lebih mengejutkan, kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati 40 peratus pelajar sekolah menengah mengakui pernah membuli rakan sendiri, manakala 30 peratus pelajar pula pernah menjadi mangsa buli sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh persekolahan mereka.

Kesan buli terhadap mangsa amat mendalam dan berpanjangan. Hal ini kerana mangsa buli bukan sahaja mengalami kecederaan fizikal, malah turut menanggung penderitaan mental dan emosi seperti kemurungan, gangguan kebimbangan, hilang keyakinan diri, fobia sosial atau kecenderungan untuk mencederakan diri.

Menurut Persatuan Psikiatri Malaysia, lebih 60 peratus pelajar yang menjadi mangsa buli menunjukkan gejala kemurungan atau tekanan emosi yang serius dan ada antaranya yang memerlukan rawatan psikologi jangka

panjang.

Dalam kes yang lebih ekstrem, ada mangsa yang nekad membunuh diri seperti yang berlaku pada 2021 kepada seorang pelajar perempuan berumur 15 tahun di Selangor. Pelajar ini meninggalkan nota menyatakan tekanan akibat ejekan rakan-rakan sebagai punca utama tindakan tragis tersebut.

Kajian terhadap 95,545 pelajar di Asia turut mendapati mangsa buli mempunyai risiko dua hingga 18 kali lebih tinggi untuk mengalami gangguan mental seperti Gangguan Tekanan Pascatrauma (PTSD), kemurungan dan ketagihan internet.

Buli juga memberi kesan negatif kepada pelaku itu sendiri. Hakikatnya, ramai pelaku buli mempunyai latar belakang keluarga yang bermasalah, kurang perhatian ibu bapa atau terdedah kepada budaya ganas di rumah.

Menurut kajian Universiti Malaya, pelajar yang terlibat dalam tingkah laku membuli berisiko dua kali ganda lebih tinggi untuk terlibat dalam jenayah seperti kecurian, penyalahgunaan dadah dan keganasan apabila dewasa. Hal

ini menunjukkan kegagalan menangani isu buli daripada peringkat awal boleh membawa kesan domino kepada keselamatan masyarakat secara keseluruhan.

TINDAKAN SEGERA

Menyedari betapa seriusnya isu ini, pelbagai pihak perlu memainkan peranan secara menyeluruh dan bersepadu. Sekolah sebagai institusi utama perlu memperkukuh sistem pengawasan dan disiplin.

Program intervensi seperti kempen anti-buli, pembentukan jawatankuasa disiplin yang berkesan, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi berisiko tinggi serta pelaporan kes secara sulit melalui aplikasi seperti WhatsApp rasmi KPM, e-mel, peti aduan sekolah dan portal Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) perlu diperluaskan.

Guru dan kaunselor pula perlu diberikan latihan untuk mengenal pasti tanda-tanda awal buli dan memberi sokongan psikologi berterusan kepada mangsa.

Penubuhan duta sahsiah di setiap sekolah iaitu pelajar dilatih untuk menjadi pemantau sahsiah dalam membantu memantau dan menasihati rakan yang berpotensi terlibat dalam buli juga langkah yang baik.

Kempen seperti program Bantu-Empati-Sayangi-Tanggungjawab (BEST) sejak 2023, bersama panduan untuk sekolah dan pelajar turut meningkatkan kesedaran dan kawalan buli.

Selain itu, ibu bapa juga perlu terlibat secara aktif dalam mendidik anak-anak tentang empati, hormat-menghormati dan batas dalam berinteraksi. Undang-undang sedia ada juga perlu dikaji semula untuk membolehkan hukuman yang lebih tegas dikenakan terhadap pelaku buli tegar, termasuk tindakan tatatertib atau pertuduhan di bawah Kanun Keseksaan jika membabitkan kecederaan fizikal serius kepada mangsa.

Pendekatan holistik melibatkan semua pihak merangkumi kerajaan, sekolah, ibu bapa, komuniti dan pelajar amat penting untuk membanteras budaya buli dari akar umbi. Usaha ini bukan sahaja menjamin keselamatan pelajar, malah memastikan setiap individu diberikan peluang yang adil untuk membina masa hadapan yang cerah dalam suasana bebas daripada ketakutan, penghinaan dan keganasan.

PROFESOR Madya Dr. Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Belia Dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan, Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (UPM).